

# Utusan Malaysia - Karnival Kewangan Kedah 2018 Catat Kejayaan

Isnin, Jan 22 2018

## Karnival Kewangan Kedah 2018 catat kejayaan

**ALOR SETAR 21 Jan.** - Karnival Kewangan Kedah 2018 anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) bersama industri kewangan yang menutup tirainya hari ini mencatat kejayaan memberangsangkan apabila merekodkan lebih 25,000 pengunjung selama tiga hari penganjurannya.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, pencapaian itu membuktikan penduduk di kawasan Utara khususnya Kedah menyedari tentang kepentingan pengurusan kewangan yang berkesan.

“Saya berbesar hati kerana karnival ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur di negeri Jelapang Padi ini terutama golongan berpendapatan rendah (B40).

“Syabas saya ucapkan kepada orang ramai yang bukan sahaja datang dari Kedah, malah Arau di Perlis, Pulau Pinang dan Bagan Datuk, Perak,” katanya ketika berucap menutup karnival tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Gabenor BNM, Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour.

Othman memberitahu, usaha untuk melahirkan generasi celik kewangan tidak terhenti dengan berakhirnya karnival tersebut,



**MUHAMMAD UMAR HANIF MOHD HAFISUDIN** (kanan) menerima replika hadiah utama cabutan bertuah daripada Megat Zaidi Megat Mokhtar (dua dari kiri) sambil diperhatikan Othman Aziz dan Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour (kiri) di Alor Setar, Kedah, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

sebaliknya pelbagai strategi yang telah dirangka oleh BNM bersama agensi-agensi berkaitan.

Sementara itu, seorang murid tahun tiga yang datang bersama keluarganya dari Butterworth, Pulau Pinang membawa pulang wang tunai RM5,000 tajaan Pub-

lic Bank.

Muhammad Umar Hanif Mohd. Hafisudin, 9, diumumkan pemenang utama cabutan bertuah karnival itu dan menerima replika cek daripada Pengurus Cawangan Public Bank Jalan Kota, Megat Zaidi Megat Mokhtar.